

NEWSPAPER CLIPPING  
PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION

SINAR HARIAN

DATE: 07/04/2008

## Ali Rustam minta Tun Mahathir bantu pulihkan UMNO

**KUALA LUMPUR** - Semua pihak termasuk bekas presiden, Tun Dr Mahathir Mohamad perlu memainkan peranan membantu memulihkan kekuatan UMNO, kata Naib Presiden UMNO, Datuk Seri Mohd Ali Rustam.

Mohd Ali, yang juga Ketua Menteri Melaka berkata, hanya dengan sokongan daripada semua pihak bermula dari akar umbi hingga ke pucuk pimpinan parti, keyakinan rakyat, terutama orang Melayu akan dapat dikembalikan kepada UMNO dan Barisan Nasional (BN).

“Kritikan Tun Mahathir telah kurangkan kebolehan UMNO untuk capai kejayaan (dalam pilihan raya umum lepas), kerana itu perlu dapat sokongan Tun sendiri untuk pulihkan semula parti kita,” katanya.

Mohd Ali berkata kepada pemberita selepas menghadiri Majlis Penerangan Presiden UMNO, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi kepada jentera penerangan parti di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) di sini, semalam.

Beliau mengulas amanat Abdullah yang juga Perdana Menteri, kepada lebih 1,000 jentera penerangan UMNO dari se-

luruh negara mengenai prestasi UMNO dalam pilihan raya umum 8 Mac lalu.

Mohd Ali berkata, ahli parti sepatutnya menumpukan kepada usaha memulihkan kekuatan parti, bukan mengkritik pucuk pimpinan, sejajar dengan mesej utama Abdullah yang mahu ahli parti bersatu padu.

Katanya, usaha memperbaiki kelemahan-kelemahan sedia ada akan dilakukan.

“Kita perlu beri sokongan demi masa depan parti dan bantu presiden dan timbalan presiden parti, Datuk Seri Najib Tun Razak untuk pulihkan UMNO. Kita harap tiada kritikan terhadap Perdana Menteri,” katanya.

Mohd Ali berkata, Presiden parti juga menerangkan faktor-faktor yang menyebabkan sokongan terhadap UMNO dan BN berkurangan, antaranya kenaikan harga minyak dan barang, masalah sokongan antara kaum ekoran isu agama dan tindakan pembangkang yang memainkan isu perkauman.

“Misalnya, kaum India kerana masalah Hindraf, mereka tidak beri sokongan kepada calon UMNO dan orang Melayu

beri respons (tidak mengundi calon UMNO) dan kita lihat calon UMNO kalah di kawasan sendiri.

“Banyak sentimen kali ini yang bercorak perkauman yang dituip sebegitu rupa. Begitu juga tindakan sabotaj parti sebab tidak sokong calon (yang dipilih),” katanya.

Menteri Dalam Negeri, Datuk Seri Syed Hamid Albar berkata, kritikan bekas Perdana Menteri itu telah membantu kemenangan parti lawan.

“Kita tidak boleh nafikan bahawa pada pilihan raya kali ini, Dr Mahathir telah membantu parti pembangkang dengan mengkritik UMNO dan kerajaan. Ini tidak baik untuk parti,” kata beliau.

Syed Hamid berkata, apa yang diperlukan oleh UMNO dan kerajaan ialah kerjasama Dr Mahathir untuk membantu mengukuhkan parti.

“Jangan kita mendesak perkara yang boleh digunakan pembangkang untuk menghancurkan UMNO. Dr Mahathir sekarang tidak begitu menyumbang ke arah membina semula kekuatan UMNO,” katanya kepada pemberita.